

# UMS juara tenpin boling lelaki MASUM

UB 7.8.2018 AII

Oleh VITALIS  
G. BINGKASAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merangkul dua pingat emas dan satu gangsa untuk muncul juara keseluruhan acara tenpin boling lelaki Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 2 2018.

UMS juga menang satu pingat gangsa dalam acara karate pada karnival sukan yang berlangsung di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 1-5 Ogos itu.

Pelajar program Sains Sukan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Azril Khainih menang pingat emas acara tenpin boling kategori lelaki individu.

Beliau kemudian bergandingan dengan Sushanor Sihanor (pelajar program Asasi Sains Fakulti Pusat Persediaan Sains Dan Teknologi) dalam acara beregu untuk meraih emas kedua.

Sushanor juga menang pingat

gangsa acara Master manakala pingat gangsa karate dimenangi pelajar program Proses Ekologi (Penyelidikan) Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, Mathavan Vickneswaran dalam kategori kumite 75kg.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah berkata, UMS hanya menghantar empat atlet ke karnival sukan itu.

“Pencapaian dua emas dan dua gangsa terutama muncul juara keseluruhan acara tenpin boling itu membanggakan kerana UMS hanya diwakili empat atlet,” kata Asyraaf.

Pencapaian itu juga cukup untuk meletakkan UMS ditangga keenam di kalangan 20 pasukan dalam carta kutipan pingat keseluruhan.

UiTM muncul juara keseluruhan dengan 15 emas, 11 perak dan lapan gangsa, kedua UPM (15-6-2), ketiga UPSI (3-4-5), keempat UPNM (2-4-1) dan kelima USM (2-1-1).

ATLET UMS menang dua emas dan dua gangsa Karnival Sukan MASUM Fasa 2.

